



Muak hadapi banjir kilat

Penduduk gesa kerajaan cari penyelesaian lebih berkesan

BANDAR TEMERLOH - Sebanyak 10 keluarga di tiga kampung, di sini, merayu kerajaan mencari penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir kilat yang seolah-olah tiada kesudahan.

Di Kampung Bukit Resak, di sini, dua keluarga menggesa sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri yang memajukan projek perumahan di belakang rumah mereka lebih bertanggungjawab.

Mohd Ashadi Loiazmi, 30, berkata, banjir kilat yang berlaku dipercayai berpunca daripada kesan pembangunan yang dijalankan hingga mengakibatkan longkang utama tersumbat.

"Saya terpaksa bermalam di rumah jiran akibat kejadian ini yang berlaku dalam masa sangat pantas, hujan bermula jam 8.30 malam dan sejam kemudian air masuk ke dalam rumah hingga paras 0.5 meter.

"Kami enam sekeluarga terpaksa menanggung rugi apabila peralatan elektrik rosak akibat kejadian ini. Kali ini kami terpaksa membuat laporan polis supaya semua pihak buka mata," katanya.

Jirannya, Cik Shaharuddin Cik Ibrahim berkata, dia tidak dapat berpindah walaupun air melimpah sehingga paras 0.6 meter disebabkan bapa mentuanya uzur.



Izudin menyusun kerusi dan meja kedai makannya yang ditenggelami air akibat banjir kilat di Kampung Batu Satu, semalam.

"Kami terpaksa juga bermalam di sini, tetapi kesal dengan kejadian yang berpunca daripada projek perumahan berhampiran," katanya.

Jadi mangsa keadaan

DI Kampung Paya Luas, di sini, empat keluarga rugi apabila peralatan elektrik dan perabot rumah ditenggelami air sedalam 0.5 meter.

Mangsa, Khamsiah Kassim, 45, berkata, hujan lebat hampir empat jam malam kelmarin menyebabkan rumah mereka dinaiki air.

"Kami kerap kali ditimpa bencana ini kerana sistem saluran air dari paya di belakang rumah tersekat.

"Rumah kami terletak di tepi paya tempat aliran air dari lebih lima kawa-

san perumahan dan kampung sebelah mengalir keluar," katanya.

Abangnya, Kamaruzaman Kassim, 48, berkata, masalah itu memang biasa berlaku setiap kali hujan lebat memandangkan rumah mereka berada di kawasan rendah.

"Dulu tidak seteruk ini, sejak kawasan perumahan dibangunkan di sini, kami sentiasa menjadi mangsa keadaan, harap sangat kerajaan selesaikan segera masalah ini," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Paya Luas, Nordin Idris berkata, beliau difahamkan pihak pentadbiran di peringkat daerah sedang memberi tumpuan bagi membaiki pulih kawasan kampungnya.



Kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapatkan maklumat mangsa banjir kilat di Kampung Bukit Resak.



Wakil dari Pejabat Khidmat Masyarakat Parlimen Temerloh, Abdul Halim Ishak (kanan) menyampaikan bantuan segera kepada mangsa banjir di Kampung Paya Luas, semalam.



CIK SHAHARUDDIN



KAMARUZAMAN

Bagaimanapun katanya, kerja pembesaran longkang dan parit memerlukan kerjasama penduduk dengan memberi kebenaran jika ia membabitkan tanah mereka.

Pembetung tersumbat

SEMENTARA itu di Kampung Batu Satu, di sini, empat rumah penduduk termasuk sebuah kedai makan ditenggelami air berpunca daripada sistem pembetung yang tersumbat.

Amirnurashid Mohd Norwawi 62, berkata, masalah itu boleh diselesaikan sekiranya agensi berkaitan menjalankan tanggungjawab mereka dan tidak menyalahkan antara satu sama lain.

Katanya, pembetung di kawasan

itu telah berusia setengah abad, malah di bawahnya sudah menjadi perangkap sampah.

"Bila aliran air terlalu banyak, sampah pun terperangkap dan yang menanggung akibatnya kami di sini," katanya.

Adiknya, Izudin Mohd Norwawi 55, berkata, sejak 10 tahun ini, banjir kilat kerap berlaku.

"Air dari hampir seluruh kampung tersekat di hadapan rumah kami. Bila hujan, kamilah jadi mangsanya.

"Walaupun peruntukan diluluskan setiap tahun, tetapi kerja yang dilakukan sebenarnya tidak memberi erti, kami mahu pembetung yang baru dipasang di bawah jalan utama Temerloh-Mentakab," katanya.